

**SIARAN AKHBAR**  
**26 OGOS 2020**

## **EKUINAS LUPUSKAN SYARIKAT PEMBUATAN MAKANANNYA**

### **Sorotan Penting:-**

- Ekuinas telah berjaya melupuskan 100.0% ekuitinya dalam syarikat peneraju pembuatan produk berasaskan daging halal premium, Primabaguz Sdn Bhd (PrimaBaguz) kepada Johnsonville International LLC (Johnsonville) berdasarkan nilai perusahaan sebanyak RM175.0 juta.
- Johnsonville merancang untuk menjadikan PrimaBaguz hab makanan halal dalam pasaran yang sedang berkembang di seluruh Asia dan Timur Tengah.
- Pelupusan ini telah menarik perhatian pelaburan langsung asing yang signifikan dan menjana Kadar Pulangan Dalaman (IRR) Kasar sebanyak 22.1% dan 3.8 kali modal dilaburkan.
- Melalui pelupusan ini, ia akan membawa jumlah terealisasi Syarikat kepada RM3.1 billion.

**KUALA LUMPUR, 26 OGOS 2020:** Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas) telah berjaya melupuskan 100.0% ekuitinya dalam syarikat peneraju pembuatan produk berasaskan daging halal premium, Primabaguz Sdn Bhd (PrimaBaguz) kepada Johnsonville International LLC (Johnsonville) berdasarkan nilai perusahaan sebanyak RM175.0 juta. Pemilikan strategik PrimaBaguz akan membolehkan Johnsonville mencapai cita-citanya untuk meneroka hab makanan halal di dalam rantau ini.

Ditubuhkan pada tahun 1987, PrimaBaguz ialah pembuat produk berasaskan daging halal premium dan berkualiti tinggi seperti, soej, potongan daging, bebola daging, daging burger, sup dan sos. Syarikat tersebut bekerjasama dan membekalkan kepada pemain industri tempatan dan antarabangsa, khususnya di dalam segmen restoran khidmat pantas (QSR) dan hotel, restoran dan syarikat katering (HORECA), dan juga pemberong. Kini, PrimaBaguz menghasilkan lebih daripada 100 produk dan menawarkan kepada lebih 15 jenama di Malaysia dan 10 negara lain.

Johnsonville ialah salah satu syarikat pemprosesan daging terkemuka di Amerika Syarikat dengan produk peneraju pasaran untuk hidangan sarapan, makan malam dan kudapan. Syarikat tersebut menghasilkan produk seperti, sosej, bebola daging dan barang protein yang lain untuk runcit, borong dan pasaran perkhidmatan makanan. Ditubuhkan pada tahun 1945, syarikat ini ialah salah satu pembekal daging yang dipercayai di Amerika Utara dan produk mereka boleh didapati di lebih 50 negara. Johnsonville dipilih setelah mengemukakan tawaran terbaik dan adalah syarikat yang paling sesuai melalui proses penjualan yang telah menarik minat pelbagai pihak tempatan dan antarabangsa.

Michael Suprick, Presiden Johnsonville International berkata, “Pelaburan dalam PrimaBaguz ini membenarkan kami untuk mengembangkan jejak antarabangsa kami ke Asia Tenggara, terutamanya Malaysia. Dengan kekuatan bahagian pasaran negara ini dalam industri pembuatan makanan halal, kami akan menggunakan kemampuan PrimaBaguz untuk menembusi pasaran yang mencari daging premium di dalam Malaysia dan pasaran yang sedang berkembang di seluruh Asia dan Timur Tengah.”

Syed Yasir Arafat Syed Abd Kadir, Ketua Pegawai Eksekutif Ekuinas berkata, “Ekuinas berpuas hati dengan pelupusan ini kerana ia telah menggalakkan pelaburan langsung asing dalam industri pembuatan makanan dan Johnsonville merancang untuk menjadikan PrimaBaguz sebagai hab makanan halal mereka bagi Asia dan Timur Tengah.”

“Pelan penciptaan nilai (VCP) Ekuinas untuk PrimaBaguz telah menjana pertumbuhan pendapatan sebanyak 75.0% sejak penglibatan kami pada tahun 2013, khususnya didorong oleh peningkatan dalam kapasiti pembuatan dan rangkaian produknya. Inisiatif-inisiatif dalam pelan penciptaan nilai merangkumi penambahbaikan kapasiti dan peningkatan operasi, mempelbagaikan rantaian pembuatan produk bagi memenuhi penyesuaian produk untuk klien yang berbeza, hubungan strategik pembekal dengan rangkaian restoran makanan segera yang terkenal, dan juga memperkuatkan pihak pengurusan. Dengan penambahbaikan ini, ia membolehkan PrimaBaguz memasuki segmen berbeza dalam industri dan memenuhi permintaan tempatan dan serantau,” Syed Yasir Arafat menambah.

Pelupusan ini telah menarik perhatian pelaburan langsung asing yang signifikan dan menjana Kadar Pulangan Dalaman (IRR) Kasar sebanyak 22.1% dan 3.8 kali modal dilaburkan, yang merupakan sebahagian daripada strategi portfolio berhemat Ekuinas sejajar dengan keadaan pasaran semasa. Ini akan membawa jumlah terealisasi Ekuinas kepada RM3.1 billion.

-Tamat-

#### **Mengenai Ekuinas**

Ekuinas (Ekuiti Nasional Berhad) ialah syarikat pengurusan dana ekuiti persendirian berkaitan kerajaan yang ditubuhkan pada 1 September 2009 dan ia berusaha membina syarikat terkemuka Malaysia generasi akan datang, sambil menggalakkan penjanaankekayaan serta penglibatan Bumiputera secara saksama dan mampan. Setakat ini, Ekuinas telah melabur dalam syarikat Malaysia yang berpotensi tinggi yang terlibat dalam sektor sasaran teras Ekuinas iaitu pendidikan, barang pengguna laris, minyak dan gas, runcit, penjagaan kesihatan, dan perkhidmatan. . Pada tahun 2018, Ekuinas telah disenarai pendek sebagai salah satu daripada 3 Firma Asia Tenggara Terbaik Tahun ini oleh Private Equity International (PEI) Awards dan telah disenarai pendek lagi untuk anugerah yang sama pada tahun 2019.

#### **Mengenai Johnsonville, LLC**

Berasal dari Wisconsin, Johnsonville ialah salah satu syarikat pemprosesan daging terkemuka di Amerika Syarikat dengan produk peneraju pasaran untuk hidangan sarapan, makan malam dan kudapan. Syarikat ini menghasilkan produk seperti, sosej, bebola daging dan barang protein yang lain untuk runcit, borong dan pasaran perkhidmatan makanan. Dikenali dan dipercayai di 50 negara seluruh dunia, Johnsonville berganding bahu dengan pelanggan runcit dan pengedar untuk memajukan produk baru, dan bersama penaung khidmat makanannya untuk mencipta menu baharu yang mampu memikat dan memuaskan citarasa yang semakin sofistikated.

Johnsonville menggaji lebih kurang 3000 pekerja di serata dunia. Ditubuhkan pada tahun 1945 oleh mendiang Ralph F. dan Alice Stayer, syarikat pegangan persendirian ini kekal sebagai milikan keluarga sehingga kini. Untuk maklumat lanjut, layari [www.johnsonville.com](http://www.johnsonville.com).

#### **Hubungan Media:**

Lok Ru Jun  
Klareco Communications  
M: +6012-325 6949  
E: [RLoc@klarecocomms.com](mailto:RLoc@klarecocomms.com)

Foo Zhen Min  
Klareco Communications  
M: +6012-440 6949  
E: [ZFoo@klarecocomms.com](mailto:ZFoo@klarecocomms.com)

Stephanie Dlugopolski  
Johnsonville, LLC  
O: +1-920-453-4826  
E: [Sdlugopolski@johnsonville.com](mailto:Sdlugopolski@johnsonville.com)